



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

SEKTOR KRITIKAL YANG MENYOKONG PENGELUARAN PRODUK KESIHATAN, MAKANAN DAN MINUMAN SERTA RANTAIAN BEKALAN GLOBAL DIBENARKAN BEROPERASI DI KAWASAN PKPD DI NEGERI SELANGOR

Susulan mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri hari ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan perbincangan lanjut dengan Menteri Kewangan dan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) berhubung tindakan segera ke atas keputusan Jemaah Menteri. Sehubungan itu, MITI ingin memaklumkan bahawa sektor Elektrikal & Elektronik (E&E) dan rantaianya; sektor Aeroangkasa (Penyelenggaraan, Pembaikan dan Pemulihan (MRO)); sektor Mesin dan Peralatan (M&E) yang khusus kepada pengeluaran produk kesihatan dan makanan; serta syarikat pembuatan makanan dan minuman yang utama dibenarkan untuk beroperasi di lokaliti yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di negeri Selangor bermula hari ini.

Senarai produk makanan dan minuman utama ini disenaraikan di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengilangan dan Pembuatan PKPD Selangor yang boleh diakses di laman web www.miti.gov.my.

MITI ingin memaklumkan keputusan ini dibuat berikutan peranan sektor-sektor ini yang penting dan signifikan dalam menyokong pengeluaran produk-produk di dalam rantai bekalan global serta pengeluaran kritikal bagi sektor kesihatan dan makanan & minuman di dalam negara.

Syarikat-syarikat di dalam sektor berkenaan boleh memulakan semula operasi dengan menggunakan surat kelulusan COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 sedia ada yang mempunyai akronim 'PKP 3.0' dan bertarikh pada bulan Jun 2021 dan ke atas.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

MITI ingin mengingatkan kewajipan syarikat-syarikat untuk mematuhi SOP Pengilangan dan Pembuatan PKPD Selangor semasa sepenuhnya yang merangkumi antaranya sektor dan aktiviti yang dibenarkan untuk beroperasi, dan keperluan mematuhi kapasiti operasi pada kadar 60 peratus bagi pekerja di premis dan 40 peratus lagi pekerja untuk melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah.

Melalui Proram Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS), yang bermula 16 Jun 2021, MITI akan memastikan program vaksinasi di kalangan pekerja sektor pembuatan akan dipertingkatkan dan dipercepatkan untuk melindungi kesihatan pekerja dan menjamin kelangsungan ekonomi negara.

MITI juga menyeru agar pihak industri terus bekerjasama dengan pihak Kerajaan bagi memastikan kejayaan mengawal penularan wabak COVID-19. Aktiviti penguatkuasaan akan dipertingkatkan oleh agensi penguatkuasa berdasarkan penilaian Sistem Amaran Awal *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) yang mampu mengesan lokasi yang berisiko tinggi yang menjadi punca kepada penularan COVID-19.

Mana-mana syarikat yang didapati tidak mematuhi SOP akan dikenakan tindakan perundangan termasuk kompaun atau penutupan operasi syarikat untuk tempoh tertentu.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

7 JULAI 2021



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my